

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN MANIVANNAN A/L
GOWINDASAMY [KAPAR]**

SOALAN :

**YB Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] minta PERDANA
MENTERI menyatakan:**

(a) sama ada suatu pangkalan data (database) kebangsaan boleh diwujudkan bagi menyenaraikan semua individu yang menerima darjah kebesaran (Datuk, Tan Sri dan lain-lain) dari seluruh negara, supaya dapat disemak orang awam ; dan

(b) sama ada Kerajaan memantau penglibatan individu yang menerima darjah kebesaran (Datuk, Tan Sri dan lain-lain) dari seluruh negara, dalam kes-kes jenayah berat.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri (BIUPA, JPM) merupakan agensi yang bertanggungjawab menyediakan rekod lengkap dan terkini ke atas semua penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan (DKBPP). BIUPA telah mempunyai sistem maklumat yang kemaskini bagi senarai penerima DKBPP untuk tahun 1958 sehingga 2017. Senarai penerima tersebut boleh diakses melalui laman web rasmi BIUPA, JPM iaitu www.istiadat.gov.my.

Selain itu, laman web ini turut menyediakan maklumat penerima Darjah Kebesaran peringkat Negeri sebagaimana yang terdapat dalam Warta Penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negeri (DKBPN) bagi tahun 1985 hingga 2017. Hanya senarai nama penerima Darjah Kebesaran daripada warta yang sahih dan dibekalkan oleh pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri serta maklumat sistem atas talian Kementerian Wilayah Persekutuan sahaja akan dimuat naik ke laman web ini. Untuk makluman juga, pada masa ini sistem semakan anugerah peringkat Negeri di laman web BIUPA, JPM ini hanya menyenaraikan penerima Darjah Kebesaran yang membawa gelaran sahaja dan tidak meliputi penerima Bintang dan Pingat yang tidak membawa apa-apa gelaran. Ini kerana sistem semakan tersebut bertujuan mengesahkan individu-individu yang dikurniakan Darjah

136

Kebesaran yang membawa gelaran seperti Datuk, Dato' Sri, Dato' dan sebagainya.

Justeru itu, sekiranya didapati nama penerima DKBPN tiada di laman web tersebut, orang ramai bolehlah membuat semakan lanjut secara langsung dengan pihak Kementerian Wilayah Persekutuan atau Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di mana individu tersebut mendakwa menerima darjah kebesaran yang berkenaan.

Pengurniaan sesuatu darjah kebesaran tidak memberikan sebarang keistimewaan kepada setiap individu berkenaan. Setiap individu yang disabitkan dengan kesalahan jenayah akan dijatuhi hukuman tanpa mengira gelaran darjah kebesaran yang pernah diterimanya. Jabatan Perdana Menteri selaku Urus setia Jawatankuasa Tetap Pemilihan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat (DKBP) Persekutuan berhak untuk mengesyorkan kepada Kerajaan untuk mengambil tindakan sewajarnya ke atas kurniaan DKBP Persekutuan yang pernah diberikan kepada individu yang disabit kesalahan dan dijatuhi hukuman. Manakala di peringkat Negeri, ia tertakluk kepada undang-undang semasa negeri masing-masing mengenai tindakan yang boleh diambil ke atas kurniaan DKBP Negeri tersebut.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 252

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MANIVANNAN A/L
GOWINDASAMY (KAPAR)**

RUJUKAN : 10683

SOALAN :

PR-1361-T02204

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

**(a) sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan Dasar Dadah
Negara bagi memerangi dadah di negara ini dan apakah
penambahbaikan yang perlu dijalankan; dan**

**(b) sejauh manakah hasil kempen Kerajaan Persekutuan dalam
membendung gejala dadah dan adakah Kerajaan Persekutuan
bercadang untuk mengetatkan semua sempadan yang
dikenalpasti sebagai pusat kegiatan (hub) dadah.**

138

JAWAPAN:

a) Dadah merupakan musuh nombor satu negara dan merupakan suatu ancaman keselamatan kepada negara kita sekiranya dibiarkan berleluasa. Usaha-usaha pembanterasan masalah dadah sentiasa dilakukan secara berterusan. Komitmen Kerajaan dalam perkara ini dapat dilihat apabila Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 Mac 2017 meluluskan Dasar Dadah Negara yang baru sebagai sumber rujukan dan panduan utama dalam usaha memerangi dadah bagi semua peringkat pelaksanaan di seluruh negara. Dasar ini mempunyai lima (5) teras utama iaitu Teras Pencegahan, Teras Rawatan dan Pemulihan, Teras Penguatkuasaan, Teras Kerjasama Antarabangsa dan Teras Pengurangan Kemudaran.

Salah satu pendekatan baru yang dilaksanakan di bawah Dasar Dadah Negara ialah program Perangi Dadah Habis-Habisan yang melibatkan elemen pemberdayaupayaan komuniti (*Community Empowerment*) dalam usaha untuk membantu pengekalan kepulihan klien. Strategi PDH yang menggunakan pendekatan menggerakkan agensi-agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti melibatkan peranan mereka sebagai perancang, penggerak dan pemilikhak (*ownership*) dalam setiap program dan aktiviti pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan dadah serta penguatkuasaan dadah.

Satu kajian bagi menilai keberkesanan Program PDH telah dijalankan oleh Persatuan Kaunseling Malaysia (PEKAMA). Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kempen

PDH amat berjaya dan berkesan dalam mengatasi masalah penagihan dadah. Berikut adalah hasil dapatan kajian tersebut:

- i) Berlaku penurunan kadar penagih baru yang dikesan di kawasan tumpuan kempen PDH;**
- ii) Komitmen yang ditunjukkan oleh pemegang taruh (*stakeholder*) kepada kempen PDH adalah amat tinggi; dan**
- iii) Berlaku peningkatan tahap kesediaan komuniti untuk berubah atau mengambil tindakan terhadap masalah penagihan yang berlaku dalam komuniti mereka.**

Dengan fokus untuk menggerakkan komuniti bersama-sama memerangi dadah, pelaksanaan Program PDH diteruskan pada tahun ini dengan pemerluasan ke 178 kawasan berisiko tinggi.

b) Kementerian Dalam Negeri sentiasa berusaha mengekang kegiatan pengedaran dan penyeludupan dadah di sempadan negara. Pada tahun 2017, tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh Polis Diraja Malaysia terhadap aktiviti pengedaran dadah telah berjaya merampas sebanyak 85,835.83 kg, 4,008,012 biji dan 99,463.88 liter dadah berbahaya, dengan nilai rampasan berjumlah RM198.54 juta. Bagi menangani masalah pengedaran dan penyeludupan dadah di sempadan negara, pelaksanaan strategi dan tindakan penguatkuasaan yang berterusan seperti berikut telah diambil:

- i) Mempertingkatkan kerjasama dengan lain-lain agensi penguatkuasaan tempatan dalam berkongsi maklumat risikan dan menjalankan operasi bersepadu;**
- ii) Menjalankan risikan terperinci untuk mengesan dan mengambil tindakan undang-undang ke atas sindiket dan pengedar dadah yang terlibat;**
- iii) Memperkasakan penguatkuasaan dan risikan di kawasan sempadan negara melalui kerjasama antarabangsa dengan pihak berkuasa Thailand dengan penubuhan Sekretariat Nukleus Narkotik (SNN) di sempadan Kelantan, Kedah, Perlis dan Perak; dan**
- iv) Penubuhan Unit Teknikal Imbasan Kenderaan (UTIK) yang ditempatkan di pintu masuk sempadan Malaysia dan Thailand untuk membanteras dan mengesan penyeludupan dadah di pintu masuk sempadan negara.**